

Sepasukan pegawai TUDM dihantar ke AS

M'sia nak beli jet lain ?

KUALA LUMPUR, Sabtu — Kerajaan sedang serius menimbangkan pembelian jet pejuang jenis Vought A-7D Corsair dan bukan jenis McDonnell A-4 Skyhawk, bagi pembesaran angkatan Tentera Udaranya.

Difahamkan kerajaan telah mengarahkan TUDM menaunguhkan

pembelian jet-jet pejuang jenis Skyhawk berharga \$1.4 billion, bagi membolehkan kajian pembelian jet jenis Corsair dapat dibuat.

Satu pasukan khas pegawai-pegawai TUDM telahpun dihantar ke Amerika Syarikat bagi menilai "kelebihan dan keistimewaan tawaran" yang dibuat oleh Vought, yang berpangkalan di Texas itu.

Difahamkan juga, ini bukanlah pasukan penilai pertama yang dihantar ke negara tersebut bagi maksud itu.

Menurut sumber di sini, kerajaan Malaysia sejak awal lagi telah berminat membeli jet-jet pejuang jenis Corsair apabila kempen membesarkan angkatan TUDM bermula tahun 1978 dahulu.

Bagaimanapun, Kongres Amerika Syarikat telah tidak membenarkan syarikat Vought menjual jet-jet pejuang buatannya kepada Malaysia.

Tetapi, kira-kira dua bulan lalu, regim Presiden Reagan membatalkan larangan tersebut dan Syarikat Vought dikatakan bertindak segera untuk menjual jet-jetnya pada Malaysia.

Difahamkan, jika Malaysia membatalkan pembelian Skyhawk yang telah disahkan oleh Datuk Seri Mahathir Mohamad ketika menjadi Timbalan Perdana Menteri, bulan Mei tahun lalu, ia akan rugi berjuta ringgit kerana telahpun membayar cengkerau pembelian tersebut.

Akan tetapi, sumber itu menerangkan, kerajaan Malaysia bersedia menanggung kerugian tersebut memandangkan ia akan menghadapi masalah mencari alat ganti Skyhawk menjelang tahun 1990-an kerana McDonnell Douglas dikatakan telah memberhentikan pengeluaran jet pejuang jenis tersebut, sejak Februari 1979.

Jet jenis Corsair mula diperkenalkan pada tahun 1965, 11 tahun selepas penciptaan Skyhawk, semata-mata bagi memenuhi keperluan

Angkatan Laut Amerika Syarikat mempunyai kapal terbang sub-sonic yang mampu mengangkut lebih banyak senjata bukan nuklear.

Malaysia dijadualkan membeli 88 jet pejuang Skyhawk, baki dari kegunaan Tentera Laut Amerika Syarikat, yang sekarang terlanjar di Padang Pasir Nevada.

Sebilangan besar dari \$1.4 billion yang diperuntukkan itu adalah untuk memperbaiki jet-jet tersebut dan juga melengkapkannya dengan beberapa alat moden radar.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia